

21 SEP 2002

BAJET-KONTRAKTOR/I

BAJET 2003, UNTUNG BERGANDA BAGI KONTRAKTOR ICT BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Bajet 2003 memberikan "untung berganda" bagi para kontraktor tahun ini, terutamanya kontraktor bumiputera dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kata pengerusi eksekutif Sistem Kompakar Sdn Bhd, Tunku Datuk Seri Shahabuddin Tunku Besar Burhanuddin.

Belanjawan itu memberikan para kontraktor bumiputera peluang untuk memperolehi kontrak-kontrak lebih besar dengan nilai setiap kelas kontraktor akan dinaikkan, katanya.

Katanya Sistem Kompakar akan menimbang menggunakan cadangan geran latihan belanjawan itu sebanyak RM100 juta untuk membangunkan kepakarannya sendiri dalam bidang ICT.

Tunku Shahabuddin berkata ini khususnya dalam penyelidikan dan pembangunan untuk mengurangkan pergantungan kepada teknologi berasaskan asing.

Syarikat itu, yang terbabit dalam projek-projek sistgem maklumat hospital total menggunakan penyelesaiannya sendiri buatan Malaysia, telah terbabit dalam projek-projek ICT di Klinik Putrajayam klinik ICT pertama Malaysia, dan bagi Hospital Putrajaya bersebelahan.

Datuk Raja Nong Chik, setiausaha agung Persatuan Pengilang-pengilang Bumiputera Malaysia, menyambut baik cukai korporat yang dikurangkan bagi industri-industri kecil dan sederhana kepada 20 peratus dari 28 peratus sebelumnya kerana ini akan merangsang lebih banyak pelaburan.

Bagaimanapun, katanya, IKS, terutamanya yang dimiliki bumiputera, masih menghadapi kesukaran dalam mendapat kemudahan pinjaman.

Raja Nong Chik berkata sejak krisis kewangan serantau 1997, institusi-institusi perbankan telah begitu berhati-hati dalam mengeluarkan pinjaman.

Bagaimanapun, Dr Mahathir telah mengingatkan institusi-institusi kewangan semalam bahawa pihak berkuasa mungkin terpaksa bertindak menaikkan peruntukan rizab berkanun jika mereka gagal dalam tugas mereka memberi pinjaman.

Anggota biro ekonomi Pemuda UMNO Said Anuar Said Ahmad berkata nilai yang meningkat bagi kontraktor bumiputera dalam mengkontrakkan kerja-kerja akan membantu mereka di masa akan datang, terutamanya dalam melaksanakan projek-projek di kawasan-kawasan luar bandar seperti membina jalan raya dan jambatan dan membaiki bangunan-bangunan.

Said Anuar juga berkata konsep "Satu Kampung Satu Industri" akan merangsang pendapatan meningkat di kawasan-kawasan luar bandar. -- BERNAMA

TM SHY OS